

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : PERSIDANGAN WANITA SEDUNIA KEEMPAT, BEIJING, CHINA  
Lokasi : SERI PERDANA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 28-08-1995

1. Persidangan Wanita Sedunia Keempat akan diadakan dari 4 - 15 September 1995 di Beijing, China.

2. Persidangan ini diadakan selaras dengan Resolusi 45/129 bertarikh 14 Disember 1990 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mana telah bersetuju supaya Persidangan Wanita Sedunia diadakan pada tahun 1995. Tiga Persidangan Wanita Sedunia telah diadakan sebelum ini iaitu:

(a) Persidangan Mexico pada tahun 1974;

(b) Persidangan Copenhagen pada tahun 1980; dan

(c) Persidangan Nairobi pada tahun 1985.

3. Berdasarkan persidangan-persidangan yang lalu, Persidangan Beijing ini diharap akan dapat menghasilkan satu perancangan yang kukuh untuk melaksanakan sepenuhnya 'Nairobi Forward-Looking Strategies For the Advancement of Women Towards The Year 2000 (NFLS)' yang telah dihasilkan di akhir Persidangan Nairobi. Daripada maklum balas yang diterima oleh pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, NFLS belum dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh negara-negara anggota. Di samping itu Persidangan ini juga memberikan peluang kepada negara-negara anggota dan juga masyarakat antarabangsa untuk menilai sejauh mana kemajuan yang telah dicapai di dalam usaha meningkatkan status wanita selaras dengan matlamat Dekad Wanita iaitu Persamaan Hak, Pembangunan dan Keamanan.

4. Tema Persidangan Wanita Sedunia Keempat ialah Tindakan Untuk Kesaksamaan, Pembangunan dan Keamanan (Action for Equality, Development and Peace).

5. Matlamat Persidangan Beijing adalah seperti berikut :

(a) Untuk menilai sejauh mana pencapaian pelaksanaan;

(b) Untuk mewujudkan rangsangan kepada kaum wanita supaya maju ke hadapan dan melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran ke-21, khususnya dalam pembangunan sains dan teknologi, ekonomi dan politik;

(c) Untuk menangani persoalan bagaimana wanita boleh menyertai dengan secara berkesan di dalam proses membuat keputusan di pelbagai ; dan

(d) Untuk menggubal Platform for Action bagi memastikan NFLS dapat dilaksanakan sepenuhnya.

6. Platform for Action ialah satu dokumen penting yang akan dihasilkan di akhir Persidangan Beijing. Ianya akan menggariskan strategistrategi dan tindakan yang seharusnya diambil oleh setiap negara, badan-badan antarabangsa dan juga pihak pertubuhan bukan Kerajaan (NGOs) dalam usaha mempertingkatkan kemajuan wanita di dalam pelbagai bidang khususnya bidang-bidang kritikal yang telah dikenal pasti.

7. Sebanyak 12 bidang kritikal telah dikenalpasti untuk diberikan tumpuan dan memerlukan tindakan segera. Bidangbidang tersebut adalah seperti berikut :

(a) The persistent and increasing burden of poverty on women;

(b) Unequal access to and inadequate educational and training opportunities of good quality at all levels;

- (c) Inequities in health care and related services;
- (d) All forms of violence against women;
- (e) Effects of persecution and armed and other kinds of conflict on women;
- (f) Inequality in women's access to and participation in the definition of economic structures and policies and the productive process itself;
- (g) Inequality between men and women in the sharing of power and decision-making at all levels;
- (h) Insufficient mechanisms at all levels to promote the advancement of women;
- (i) Promotion and protection of all human rights on women;

8. Adalah diharapkan Platform for Action ini akan dapat diterima secara konsensus oleh negara-negara walaupun pada ketika ini terdapat beberapa isu yang masih di dalam peringkat perundingan seperti isu yang berkaitan dengan kesihatan khususnya pengguguran, takrif keluarga, pengguguran janin perempuan, alam sekitar dan juga isu persamaan hak bagi masyarakat Islam.

9. Delegasi negara akan diketuai oleh Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah bte Haji Mohd. Ali. Ahli-ahli delegasi yang lain adalah seperti di Lampiran A.

10. Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah dijangka akan menyampaikan ucapan pada 6 September 1995 pada pukul 4.30 petang.

11. Persidangan ini diharap dapat mencapai matlamatnya untuk meningkatkan kemajuan wanita dalam pelbagai bidang di samping dapat mengatasi ataupun mengurangi rintangan yang dihadapi oleh kaum wanita di dalam bidang-bidang kritikal yang disebutkan tadi.

12. Adalah diharapkan Platform for Action yang dihasilkan dapat menjadi mangkin (catalyst) kepada pembangunan wanita di dunia khususnya kepada wanita-wanita di negara ini. Strategi-strategi yang bersesuaian boleh dimanfaatkan dalam usaha meningkatkan kemajuan wanita di negara ini.

13. Selain daripada menghadiri Persidangan Beijing ini, kita juga akan menganjurkan Mesyuarat Wanita Pertama/Wakil Peribadi Wanita Pertama Wilayah Asia dan Pasifik. Mesyuarat ini dijangka akan diadakan pada 5 September 1995.

14. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk melaksanakan sepenuhnya Deklarasi Geneva Mengenai Wanita Luar Bandar di peringkat Wilayah Asia dan Pasifik. Untuk makluman, Malaysia adalah salah satu anggota `international Steering Committee on Rural Women (ISC), bagi Wilayah Asia dan Pasifik. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab Malaysia untuk menggerakkan usaha-usaha ke arah memajukan wanita luar bandar di wilayah ini. Anggota yang lain ialah Sri Lanka dan Tonga.

15. Antara agenda yang akan dibincangkan ialah:

- (a) Penubuhan Regional Steering Committee on Rural Women;
- (b) Regional Plan of Action for Advancement of Rural Women;
- (c) Monitoring mechanisms; and
- (d) Preparation for the ISC Meeting in Amman, Jordan, April 1996.